

Rakyat sudah buat pilihan

Analisis STATISTIK PRU13

Keputusan PRU13 pada 5 Mei lalu kelas BN diisytiharkan menang di 133 kerusi Parlimen, mendapat kembali semua negeri yang ditadbirnya, di samping berjaya merampas kembali Kedah daripada PR.

Pakatan pembangkang pula memenangi 87 kerusi, dengan mengelakkkan pentadbirannya di Selangor, Pulau Pinang, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Walaupun hilang negeri jelapang padi itu kepada BN, PR berjaya muncul untuk membuktikan kekuatannya di banyak kawasan yang sebelum ini menjadi kubu BN, terutama Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Walaupun pencapaian kali ini dari segi kerusi dibandingkan dengan prestasi 2008 di mana BN mendapat 140 kerusi, suka atau tidak, pemimpin-pemimpin BN perlu berpusat hati kerana ini bukan sekadar membuat BN dapat mempertahankan semua negeri yang dimenangi pada 2008, bahkan yang lebih penting baginya ialah telah mengembalikannya ke Putrajaya, tempat yang diidam-idamkan oleh PR.

Bagaimanapun, setelah keputusan PRU13 yang berlangsung pada 5 Mei lalu diumumkan, wujud pelbagai perspsi, terutama mengenai siapa yang memenangi dan siapa yang tidak?

Keadaan ini menjadi lebih mengelirukan apabila pembangkang mendakwa mereka memenangi sebahagian besar hati rakyat berdasarkan peratusan sokongan yang diterima dalam proses pengundian itu.

Berdasarkan perkiraannya setelah mendapat keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), PR mendakwa ia menikmati 52 peratus undi popular, berbanding 47 peratus, yang didapat oleh BN.

Sejauh manakah perkiraan dan dakaun ini betul dan boleh diterima sebagai hakikat?

Berdasarkan kiraan *Sinar Harian*, jumlah keseluruhan undi yang diterima bagi kerusi Parlimen, BN mendapat undi sebanyak 5,307,538, manakala PR 5,636,605 dan bagi kerusi



Di Malaysia parti yang memenangi kerusi terbanyak akan membentuk kerajaan.

Dun pula BN memperoleh undi sebanyak 4,731,794 dan PR 4,978,019.

Jumlah ini dikira berdasarkan undi menang dan undi kalah yang diperolehi bagi setiap negeri, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Namun, adalah jumlah ini memberi gambaran jelas tentang siapa yang lebih popular?

Sinar Harian menerangkan dengan lebih jelas statistik ini menerusi pecahan undi popular mengikut negeri.

BN didapati telah berjaya mengelakkan kesemu negeri yang diakasainya sebelum ini, iaitu Sabah, Perlis, Terengganu, Pahang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor dalam PRU13.

Ia juga berjaya merampas Kedah yang sebelum ini diterajui oleh kerajaan Pas, manakala PR pula berjaya mengelakkkan Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang.

Jika dilihat menerusi undi popular bagi kerusi Dun, BN masih lagi kuat di Sabah (BN: 424,678 PR: 252,317), Pahang (BN: 330,573 PR: 270,399), Perlis (BN: 65,191 PR: 48,465), Johor (BN: 742,272 PR: 622,898), Negeri

Sembilan (BN: 416,433 PR: 204,142) dan Melaka (BN: 200,914 PR: 174,232).

Manakala, PR kekal mendominasi undi popular bagi kerusi Dun di Selangor (PR: 755,133 BN: 104,5956), Kelantan (PR: 520,294 BN: 343,417) dan Pulau Pinang (PR: 490,800 BN: 233,243).

Namun, jika dilihat bagi kerusi di Kedah (BN: 447,198 PR: 440,701) dan Terengganu (BN: 265,195 PR: 264,465), maka boleh dilihat sukar untuk menentukan siapa yang lebih popular kerana jurangnya terlalu sedikit.

Berbeza bagi Perak, walaupun negeri tersebut dimenangi oleh BN, namun berdasarkan pengiraan jumlah undi keseluruhan bagi kerusi Dun, PR mendapat lebih undi berbanding BN iaitu BN mendapat 498,656 undi manakala PR memperoleh 621,706 undi.

Difahamkan, pertambahan undi bagi PR ini berlaku akibat jumlah majoriti terlalu tinggi yang diperoleh oleh calon-calon terutamanya dari DAP yang berjaya menang semua kerusi yang dipertandingkan di

iaitu 1,045,956 (Dun) dan 1,044,758 (Parlimen).

Untuk rekor, Selangor adalah negeri yang paling ramai memberi undi popular kepada PR apabila jumlah undi yang memihak kepada mereka melepas angka satu juta.

Jika dilihat secara keseluruhan PR sememangnya telah bertaruh kuat berbanding PRU12 pada 2008, namun masih ada lagi kerusi atau negeri yang belum boleh ditembusi PR dan masih lagi mampu dikuasai dengan mudah oleh BN.

Ini termasuk negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak dan Pahang yang menjadi penyumbang utama kemenangan BN, 5 Mei lalu.

Justeru, persoalan siapa yang popular tidak penting, yang penting adalah rakyat sudah memberi mandat secara adil dan telus, oleh itu, semua pihak perlu akur dengan keputusan bahawa BN telah dipilih untuk memimpin negara ini.

Ini kerana undi popular tidak boleh diguna pakai di negara ini kerana Malaysia tidak mengamalkan sistem dua parti kerana masih mempunyai sistem raja berperlembagaan.

Dengan jumlah pengundi berdaftar sebanyak 13,268,002 dan mereka yang keluar mengundi sebanyak 11,257,147 atau 84.84 peratus, ke arah mana baki 2,010,855 pengundi.

Selain itu, jika ditambah lima negeri yang mempunyai majoriti PR iaitu Selangor, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Wilayah Persekutuan, PR memperoleh undi sebanyak 3,005,199 undi. Jumlah ini adalah 26.7 peratus dari keseluruhan pemilih berdaftar. PR hanya memerlukan 23.3 peratus undi lagi dari baki 9 negeri lain untuk menjadikannya lebih popular dari BN.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Jayum Jawan berkata, pengundian yang digunakan di Malaysia adalah berdasarkan sistem *first past-the-post* atau berdasarkan kerusi terbanyak yang dimenangi.

"Di Malaysia, parti yang memenangi kerusi terbanyak akan membentuk kerajaan dan ini berbeza dengan mendapat undi popular," katanya.